



Kongsi kepakaran

ABU Ubaidah (dua kali) menyembur air kepada kanak-kanak sebelum berkhitan.

■ Pelajar FPSK, FP USIM dekati masyarakat setempat melalui program Khatan Perdana

Oleh Mohd Amin Jali
Seremban

Kepakaran pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) dan Fakulti Pergigian (FP) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Nilai, dimanfaatkan sepenuhnya untuk berbakti kepada masyarakat menerusi aktiviti kemasyarakatan yang dijalankan.

Seramai 78 pelajar kedua-dua fakulti berkenaan termasuk enam pakar perubatan USIM menjayakan program Khatan Perdana dan Karnival Kesihatan di Taman Dato' Shahbandar Ampangan, di sini, baru-baru ini.

Antara aktiviti dijalankan sepanjang program selama dua hari itu majlis penerangan, pameran kesihatan, pemeriksaan gigi dan bimbingan kurjaya serta ceramah motivasi kepada golongan muda di Surau Madrasah al-Hisyanah taman itu.

Enam doktor pakar terbabit menjayakan aktiviti berkhitan membabitkan 35 kanak-kanak sekitar taman itu yang diadakan di dewan orang ramai taman itu.

Pengarah program, Prof

Dr Muhammad Tauffik Mohd Noor berkata, program itu diadakan sempena sambutan ulang tahun ke-10 FPSK universiti berkenaan tahun ini.

Beliau yang juga Dekan FPSK berkata, program itu antara aktiviti khidmat sukarela FPSK dan FP bertujuan mendekatkan pelajar dengan komuniti luar manakala pameran dan ceramah kerjaya dapat memberi peluang kepada golongan muda berkaitan kerjaya USIM.

"Kita tidak mahu pelajar ini hanya bertumpu di dalam kawasan kampus semata-mata, tetapi perlu pendedahan dengan dunia luar bagi membolehkan mereka mudah menyesuaikan diri sebaik menamatkan pengajian di USIM kelak.

"Program ini juga dapat merapatkan hubungan baik antara USIM dengan masyarakat setempat dan membolehkan pelajar berkongsi maklumat dengan golongan muda dan mereka yang baru menamatkan persekolahan pering-

kat menengah untuk mengetahui peluang kursus yang ditawarkan universiti," katanya.

Program berkenaan dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ampangan, Datuk Abu Ubaidah Redza dan turut mendapat kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT) taman berkenaan.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni USIM, Prof Datuk Dr Mohamed Asin Dillah; Setiausaha MAINS, Kamal Amran Kamaruddin dan Pengerusi KRT taman itu, Mohd Noh Jidin.

Sementara itu, Mohd Noh melahirkan rasa bertaub kerana pihak USIM memilih taman itu sebagai lokasi program berkenaan.

Menurutnya, program itu amat bermakna bagi ibu bapa dan kanak-kanak yang berkhitan kerana selain mendapat khidmat percuma, mereka juga dilayan dengan baik oleh pelajar institusi pengajian tinggi awam berkenaan.

FAKTA

Enam doktor pakar terbabit menjayakan aktiviti berkhitan 35 kanak-kanak



PELAJAR FPSK memberi penerangan mengenai program berkhitan